

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Wan Hasan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah segera dalam menangani masalah pesara-pesara Jabatan Telekom Malaysia, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Pos Malaysia yang menerima pencen rendah dalam menghadapi kos sara hidup yang tinggi serta kesan pelaksanaan GST.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika Jabatan Telekom Malaysia, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Pos Malaysia diswastakan, pegawai telah diberi opsyen berikut:

- (a) Kekal di dalam Skim Kerajaan di mana pegawai dibayar emolumen seperti seolah-olah pegawai masih berkhidmat dengan Kerajaan. Pengiraan faedah persaraan pegawai mengambil kira tempoh perkhidmatan dan gaji akhir dalam syarikat sehari sebelum tarikh persaraan; atau
- (b) Memilih untuk berada dalam Skim Syarikat di mana pegawai ditawarkan gaji dan faedah lain yang lebih tinggi berbanding emolumen dalam Kerajaan dan pegawai akan mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Oleh itu, pengiraan faedah persaraan hanya mengambil kira tempoh perkhidmatan dan gaji akhir sehari sebelum tarikh penswastan sahaja.

Bagi pesara yang memilih Skim Kerajaan, mereka memperoleh faedah persaraan yang meliputi pencen bulanan, ganjaran dan wang tunai gantian cuti rehat berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan serta syarikat dengan perkiraan berdasarkan kepada gaji akhir skim gaji sektor awam.

Bagi pesara yang memilih Skim Syarikat pula, mereka memperoleh dua faedah iaitu faedah persaraan skim kerajaan berdasarkan kepada

tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan dan faedah KWSP berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dengan syarikat.

Bagi menangani kos sara hidup, Kerajaan telah melaksanakan penyelarasan faedah pencen bulanan sebanyak 2% setiap tahun bermula pada 1 Januari 2013. Selain dari itu, Kerajaan juga turut memanjangkan Bantuan Khas Kerajaan dan melaksanakan program 1Pesara; di mana pesara boleh mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan berkaitan dengan perubatan, kesejahteraan pesara, peluang bekerja semula, keusahawanan dan juga pengurusan kewangan.

Sekian. Terima kasih.